

24 APR 2000

PM-PELABURAN MAKANAN/I

MAHATHIR: KERAJAAN AKAN SOKONG PELABURAN LUAR DALAM PENGELUARAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Kerajaan akan menyokong pelaburan ke luar negara oleh sektor swasta tempatan dalam pertanian yang akan membantu Malaysia meningkatkan keperluan makanan dan mengurangkan ketidakseimbangan yang disebabkan import yang besar keluaran seumpamanya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Adalah munasabah bagi syarikat-syarikat tempatan menerokai seberang laut untuk aktiviti seumpama itu memandangkan perladangan jagung dan ternakan lembu tidak sesuai dilakukan di negara ini kerana ia memerlukan keluasan tanah yang besar, katanya pada satu dialog pada seminar sehari mengenai peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian di sini.

"Dalam hal-hal tertentu, bila kita tidak mampu melakukannya di dalam negeri, kerajaan tidak membantah sektor swasta melabur di negara-negara lain... jadi itu tidak mengapa tetapi kita perlu tahu sama ada ia cuma pelaburan semata-mata untuk keuntungan atau pelaburan untuk membantu kita mengatasi sesetengah keperluan kita yang tidak boleh dikeluarkan di dalam negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata aktiviti seumpamanya adalah berkemungkinan diusahakan di Argentina, yang bukan sahaja mengeksport jagung ke Malaysia tetapi membenarkan penjualan tanah ladang.

"Mungkin boleh membeli salah satu daripada tanah ladang itu. Kita mempunyai kapal kita sendiri yang boleh pergi ke sana, angkut jagung dan bawa balik ke sini supaya kita dapat meningkatkan perdagangan dengan Argentina dan pada masa yang sama membuat sedikit pulangan bagi syarikat-syarikat kita."

Di samping itu, perdana menteri berkata kerajaan akan membekalkan pelbagai penemuan penyelidikan yang relevan mengenai pertanian, termasuk keputusan-keputusan kepada sektor swasta untuk membantu mereka membangunkan industri makanan.

"Kita mahu melihat aktiviti-aktiviti ini makmur. Jika anda boleh membangunkannya dan menjadikannya industri yang besar, adalah jelas bahawa seluruh negara akan untung. Ia sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah import," katanya.

Dr Mahathir juga menekankan bahawa kejayaan sektor swasta juga akan memberi faedah secara langsung kepada kerajaan daripada segi cukai ke atas keuntungan.

"Jadi kami mahu anda berjaya dan kami mahu membantu anda," katanya.

Dr Mahathir berkata kementerian pertanian telah memutuskan untuk bersikap terbuka kepada sektor swasta.

Katanya jika penemuan-penemuan penyelidikan itu dimasukkan ke dalam Internet, kerajaan akan berbuat demikian.

-- BERNAMA

MOT SHY OS